No. Ruj : MDJ 3/01/254 SJ.1( )
Tarikh iklan : 14 November 2016

Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia **(keutamaan diberikan kepada anak Negeri Sembilan)** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di **Majlis Daerah Jelebu, Negeri Sembilan Darul Khusus**.

**A. JAWATAN**

| BIL | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | KEKOSONGAN | JADUAL GAJI | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| 1. | PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG | L29 | PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG | *1 TETAP/ KONTRAK* | 1,773.00 | 5,674.00 |
| 2. | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N29 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | *1 TETAP/ KONTRAK* | 1,493.00 | 5,672.00 |
| 3. | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) | W19 | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) | *KONTRAK* | 1,353.00 | 4,005.00 |

**B. SYARAT LANTIKAN**

**[1] PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   a. warganegara Malaysia;

   b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   c. diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

      [Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,773.00] ; atau

   d. diploma undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

      [Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,847.86]

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-Undang) dan Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang- Undang Gred L29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Gaji Permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred L29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**[2] PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

a. warganegara Malaysia;

b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c. i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

[Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00]; atau

ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

[Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00]; atau

iii. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95]

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengan oleh Kerajaan.

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Gaji Permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**[3] PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

a. warganegara Malaysia;

b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c. i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.

[Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00]; atau

ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40]; atau

iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40]; atau

iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80]; atau

v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80].

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengan oleh Kerajaan.

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**C. TARAF JAWATAN**

Tetap/Kontrak

**D. UMUR**

Calon-calon bagi lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

**E. PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

(a) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.

(b) Hanya permohonan yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.

(c) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan jawatan pada **31 DISEMBER 2016**, adalah dianggap tidak berjaya.

(d) Setiap permohonan **MESTILAH** disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan dan mengikut susunan berikut:-

i) Salinan Kad Pengenalan

ii) Salinan sijil PMR/SRP/MCE/SPM/HSC/ STPM atau setaraf

iii) Salinan Sijil Politeknik atau setaraf

iv) Salinan Semakan Pengiktirafan Kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi permohonan jawatan Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29/ Penolong Pegawai Tadbir Gred N29
(Semakan melalui **http://pengiktirafan.jpa.gov.my**)

v) Setiap pemohon **WAJIB** hadir dan menjalani semua ujian serta **LULUS** ujian yang ditetapkan sebelum boleh disenarai pendek bagi menghadiri temuduga.

**F. PERMOHONAN**

(a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Majlis Daerah Jelebu yang boleh didapati sendiri di :-

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,**
**PEJABAT MAJLIS DAERAH JELEBU**
**TINGKAT 1, PUSAT KOMERSIAL MDJ,**
**71600 KUALA KLAWANG, JELEBU,**
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

(b) Muat turun borang permohonan dari laman web Majlis Daerah Jelebu;
http://www.mdjelebu.gov.my

**G. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**
Tarikh tutup permohonan ialah pada **31 DISEMBER 2016.**